

# **MOCHTAR LUBIS: PEMIKIR GLOBAL YANG BERTERASKAN KEMANUSIAAN**

**(Mochtar Lubis: A Global Thinker Rooted in Humanity)**

*Wan Noor Khuzairey Wan Mohtar*  
wannoorkhuzairey@yahoo.com

Fakulti Ilmu Budaya, Universitas Indonesia, Kampus UI Depok, Indonesia 16424.

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Wan Noor Khuzairey Wan Mohtar. (2025). Mochtar Lubis: Pemikir global yang berteraskan kemanusiaan. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 18(2), 289–306. [https://doi.org/10.37052/jm.18\(2\)no7](https://doi.org/10.37052/jm.18(2)no7)

Received: <i>Peroleh:</i>	9/6/2025	Revised: <i>Semakan</i>	15/7/2025	Accepted: <i>Terima:</i>	22/7/2025	Published online: <i>Terbit dalam talian:</i>	31/7/2025
------------------------------	----------	----------------------------	-----------	-----------------------------	-----------	--	-----------

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda (*This article has undergone a double blind peer-review process*)

## **Abstract**

Makalah ini meneliti Mochtar Lubis sebagai seorang pemikir kemanusiaan global yang menggunakan sastera dan jurnalisme sebagai wadah perjuangan nilai-nilai kemanusiaan universal. Kajian ini bertitik-tolak daripada dua persoalan utama, iaitu tentang bagaimana isu kemanusiaan global dianalisis dan digambarkan dalam karya sastera dan eseи Mochtar Lubis dan apakah kepentingan dalam membincangkan kemanusiaan global menurut beliau. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis isu kemanusiaan global menurut perspektif Mochtar Lubis dalam penulisannya serta menjelaskan kepentingannya dalam konteks sastera dan pemikiran intelektual. Kajian ini menggunakan pendekatan hermeneutik bagi mentafsir karya-karya Mochtar Lubis dalam konteks sejarah, sosial, dan politik pascakolonial. Kajian mendapati bahawa Mochtar Lubis memperjuangkan keadilan sosial, pemerkaasan wanita serta menentang autoritarianisme dan korupsi. Pemikirannya menolak kekerasan dan dominasi ideologi serta menekankan maruah manusia dan perdamaian sejagat. Makalah ini merumuskan bahawa Mochtar Lubis bukan hanya tokoh sastera Indonesia, tetapi juga merupakan seorang intelektual global yang memberikan sumbangan penting terhadap pembentukan wacana kemanusiaan universal daripada perspektif Selatan Global, iaitu kumpulan negara yang secara sejarahnya telah terpinggir dalam sistem ekonomi dan politik dunia akibat penjajahan, imperialisme serta ketidakseimbangan kuasa global.

Kata kunci: Mochtar Lubis, kemanusiaan global, tanggungjawab sosial, kesetaraan gender, autoritarianisme, korupsi

### ***Abstrak***

*This paper examines Mochtar Lubis as a global humanist thinker who utilised literature and journalism to advocate universal humanistic values. The study addresses two main questions, which are how the global humanity issues are addressed and analysed in his works and what is the significance of discussing the global humanity in his works. The objectives of this research are to analyse the global humanity issue through Mochtar Lubis' perspectives in his writings and to address their importance in the context of literature and intellectual thoughts. A hermeneutic approach is employed to interpret Mochtar Lubis's literary works within the historical, social, and postcolonial political contexts. The findings show his strong stance on social justice, women's empowerment, and opposition to authoritarianism and corruption. His ideas rejected violence and ideological domination, emphasising instead human dignity and global peace. The paper concludes that Mochtar Lubis was not merely an Indonesian literary figure but a global intellectual who significantly contributed to shaping universal discourse on humanity from a perspective of the Global South.*

**Keywords:** *Mochtar Lubis, global humanity, social responsibility, gender equality, authoritarianism, corruption*

## **PENDAHULUAN**

Mochtar Lubis merupakan antara penulis Indonesia yang paling prolifik, berbakat juga berani. Sebagai seorang pemikir kemanusiaan global yang menggunakan sastera sebagai medium perjuangan nilai-nilai kemanusiaan universal, beliau menjelaskan tanggungjawab sosial melalui karya sastera untuk menyuarakan isu ketidakadilan dan penindasan, sekali gus menegaskan peranan sastera sebagai alat kesedaran masyarakat. Selain itu, Mochtar mengangkat kedudukan wanita dengan memperjuangkan hak pendidikan, kebebasan, dan peranan mereka dalam pembangunan negara dan sejarah. Penentangannya terhadap authoritarianisme dan korupsi pula memperlihatkan komitmen beliau terhadap pembinaan masyarakat demokratik yang bebas daripada budaya politik feudal dan penyelewengan kuasa. Pemikiran beliau turut merentas sempadan nasional dengan mengangkat agenda kemanusiaan global yang menolak peperangan, kekerasan, dan dominasi ideologi serta menegaskan kepentingan perdamaian dan maruah insani.

Dalam wacana pemikiran global, terdapat kelompongan dalam mengangkat suara dari Selatan Global, khususnya dalam perbincangan tentang kemanusiaan yang

sering didominasi oleh kerangka Barat yang bersifat teoretikal dan bersandarkan kriteria-kriteria yang kaku. Oleh itu, terdapat keperluan untuk memahami pemikiran Mochtar Lubis sebagai seorang penulis yang lantang memperjuangkan nilai-nilai kemanusiaan dalam konteks sosial-politik Indonesia dan dunia pascakolonial. Kajian ini mengenal pasti bagaimana isu kemanusiaan global dianalisis dan digambarkan dalam karya sastera dan esei Mochtar Lubis dan kepentingan dalam membincangkan kemanusiaan global menurut beliau. Kedua-dua persoalan kajian ini membawa kepada objektif kajian ini, iaitu untuk menganalisis isu kemanusiaan global menurut perspektif Mochtar Lubis dalam penulisannya serta menjelaskan kepentingannya dalam konteks sastera dan pemikiran intelektual.

Melalui kajian terhadap karya dan pemikiran Mochtar Lubis, kemanusiaan ditafsir semula secara lebih kontekstual, hidup, dan realistik dengan berpaksikan pada pengalaman rakyat yang tertindas, perjuangan melawan autoritarianisme dan keprihatinan terhadap martabat insan. Oleh itu, kajian ini bukan sahaja mengisi jurang dalam wacana kemanusiaan global, malah menegaskan kepentingan mengiktiraf sumbangan penulis intelektual dari Timur sebagai pemikir yang turut mencorakkan arah tuju kemanusiaan sejagat. Pada saat dunia sedang bergelut dengan genosid, politik fasisme, peperangan dan kerakusan neo-liberalisme, gagasan kemanusiaan amat diperlukan.

### **Mochtar Lubis sebagai Penulis yang Berani**

Mochtar Lubis merupakan seorang wartawan, pengarang dan budayawan yang dilahirkan di Padang, Sumatra Barat pada tanggal 7 Mac 1922. (Hill, 2011). Mochtar mendapat pendidikan di HIS (Sekolah Kolonial Belanda) dan kemudiannya melanjutkan pelajaran ke Sekolah Tinggi Ekonomi Kayu Tanam yang merupakan sekolah nasionalis (Hill, 2011). Pembelajarannya di situ telah menguatkan dan membentuk pandangan nasionalis dan anti-kolonialnya. Mochtar boleh berbicara dalam tiga bahasa, iaitu bahasa Indonesia, bahasa Inggeris dan juga bahasa Belanda.

Keperibadian Mochtar yang mengangkat nilai kemanusiaan dipupuk sejak beliau berumur tujuh tahun. Pada ketika itu, Mochtar menyaksikan peristiwa kuli kontrak yang enggan bekerja dikenakan hukuman sebatan dan seksaan oleh pihak Belanda. Mochtar mengatakan bahawa “perlakuan kejam itu meninggalkan bekas pada saya dan menyebabkan trauma.” (Hill, 2011, hlm. 22-23). Peristiwa ini merupakan cetusan awal kepada kepedulian Mochtar terhadap gagasan kemanusiaan. Akhirnya beliau merakamkan peristiwa trauma ini sebagai tema cerita pendek bernada autobiografi dan paling terkenal, iaitu “Kuli Kontrak” yang disebutkan berulang kali dalam perbincangan-perbincangan semasa hayatnya (Hill, 2011).

Mochtar pernah bekerja sebagai wartawan di pejabat berita ANTARA pada tahun 1945 setelah kemerdekaan Indonesia. Setelah tamat revolusi, beliau bekerja di Harian Indonesia Raya. Pada ketika itu, beliau banyak menulis artikel yang menentang pemerintahan Indonesia pada ketika itu dan akhirnya berdepan dengan hukuman penjara (Mochtar Lubis, 1995c). Segala pengalaman beliau semasa di penjara dibukukan, namun hukuman tersebut tidak memberikan kesan terhadap pendirian kemanusiaannya.

Karya-karya Mochtar bukan sahaja memperjuangkan suatu bentuk kemanusiaan yang bersifat tempatan dalam konteksnya tetapi bersifat universal dalam cita-citanya, sekali gus meletakkan beliau sebagai suara kemanusiaan global yang tulus dari belahan Selatan Global. Mochtar Lubis disifatkan sebagai seorang penulis yang berani berhadapan dengan kekuasaan dan keberanian Mochtar dijelaskan melalui pembelaannya terhadap kebebasan dan mengangkat martabat manusia serta kelantangannya terhadap rasuah, feudalisme, komunisme juga pemerintahan autoritarian (Wick, 1991). Tindakan Mochtar ini sesuai dengan gagasan intelektual yang dibangunkan oleh Usman Awang, tokoh sastera Malaysia. Menurut beliau, intelektual merupakan “orang yang mempergunakan ilmu dan ketajaman fikirannya untuk mengkaji, menganalisis, merumuskan segala perkara dalam kehidupan manusia, terutama sekali masyarakatnya dan alamnya untuk mencari kebenaran dan menegakkan kebenaran” (Usman Awang, 1990, hlm. 81). Beliau sering kali menanggung penderitaan secara peribadi sehingga dipenjarakan akibat pandangannya yang tegas dan kontroversial, terutamanya dalam bidang kesusasteraan dan kewartawanan (Mochtar Lubis, 1995a).

## KAJIAN LEPAS

Dalam menulis kajian ini, beberapa kajian awal mengenai gagasan kemanusiaan dan intelektualisme Mochtar telah dikumpulkan. Dalam penulisan Hill (2010), Mochtar Lubis disebut sebagai seorang tokoh penting yang melambangkan percanggahan terhadap kawalan negara atas kebebasan jurnalisme, terutamanya pada era Orde Lama dan Orde Baru. Menurut Hill (2010), sebagai pendiri dan pemimpin redaksi Harian Indonesia Raya, Mochtar Lubis terkenal dengan sikapnya yang kritis terhadap korupsi, penyalahgunaan kekuasaan dan dasar pemerintah yang tidak telus. Hill (2010) turut menyorot peranan Mochtar Lubis sebagai simbol kewartawanan mandiri yang berani menghadapi risiko penutupan media dan penahanan peribadi. Mochtar tidak hanya memberikan inspirasi kepada generasi wartawan berikutnya, tetapi juga mempraktikkan bentuk kewartawanan yang mengutamakan integriti, keberanian, dan akauntabiliti sekali gus menjadikannya sosok penting dalam jalan cerita perjuangan kebebasan kewartawanan di Indonesia (Hill, 2010).

Seterusnya, kajian tesis sarjana Miranti Silasudjana (2018) menawarkan analisis mendalam terhadap Mochtar Lubis sebagai tokoh sastera, wartawan, dan intelektual terkemuka Indonesia pascaperang. Kajian ini menumpukan perhatian kepada keberanian beliau dalam mencabar autoriti serta sumbangannya terhadap isu keadilan sosial dan pembebasan. Penyelidikan ini menekankan bahawa kesusasteraan boleh berfungsi sebagai medium untuk memahami dinamika masyarakat Indonesia, termasuk pandangan golongan elit, budaya dan pembangunan. Di samping itu, kajian ini turut menonjolkan kepentingan mengiktiraf Mochtar sebagai seorang intelektual yang menentang ketidakadilan, membangkitkan kesedaran dan memberikan inspirasi kepada perubahan sosial serta menyeru agar kajian lanjut dilakukan terhadap tokoh-tokoh sastera Melayu dan Indonesia yang berpengaruh bagi menelusuri sumbangan intelektual mereka (Miranti Silasudjana, 2018).

Dua kajian tersebut jelas menunjukkan bahawa ketokohan Mochtar Lubis telah banyak dihuraikan dari sudut keberaniannya dalam menentang autoritarianisme serta sumbangannya dalam dunia kewartawanan dan kesusasteraan. Hill (2010) memfokuskan peranan Mochtar sebagai simbol kewartawanan bebas yang memperjuangkan integriti dan akauntabiliti dalam menghadapi tekanan rejim politik, manakala Miranti Silasudjana (2018) menekankan aspek pemikiran kemanusiaan beliau yang terjelma melalui karya sastera dan intelektualisme pembebasan.

Namun begitu, kebanyakan kajian tertumpu kepada konteks tempatan Indonesia pascaperang dan tidak meneliti secara menyeluruh dimensi universal yang terkandung dalam pemikiran Mochtar. Terdapat jurang kajian yang masih belum diteroka secara tuntas, iaitu bagaimana pemikiran kemanusiaan Mochtar Lubis boleh dilihat dalam kerangka kemanusiaan global yakni sejauh mana idea dan perjuangannya berhubung dengan nilai-nilai universal seperti hak asasi manusia, solidariti transnasional, dan tanggungjawab intelektual terhadap isu global pascakolonialisme. Maka, kajian ini mengisi jurang tersebut dengan mengetengahkan Mochtar Lubis bukan hanya sebagai tokoh nasionalis atau pengkritik rejim, tetapi juga sebagai seorang pemikir kemanusiaan global yang meletakkan nilai moral, kebebasan individu dan keadilan sosial sebagai teras pemikirannya.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang bersifat hermeneutik. Pendekatan hermeneutik melibatkan “pengetahuan yang dibina melalui dialog, makna muncul melalui dialog atau perbualan hermeneutik antara teks dengan pengkaji” (Koch, 1999). Matlamat utama dalam pendekatan hermeneutik adalah untuk menggabungkan kefahaman masa lalu, masa kini, dan masa depan melalui proses yang menghubungkan

“peristiwa dengan dialog antara teks dengan pembaca” (Aylesworth, 1991, hlm. 74). Maka, pengkaji akan merujuk berulang kali antara tafsiran bahagian-bahagian teks dengan tafsiran keseluruhan teks, yang mewakili pemahaman yang semakin berkembang mengenai fenomena yang berlaku. Heidegger (dalam Titchen, 2000) menekankan bahawa penyelidikan dalam hermeneutik melibatkan penerokaan terhadap teotentang kewujudan (being). Beliau menegaskan bahawa kefahaman tentang kewujudan berlaku sebelum proses refleksi berlaku. Dalam pandangannya, Heidegger memperkenalkan struktur tiga lapisan, iaitu menyelaraskan diri dengan masa lalu, menyatakan atau menjelaskan keadaan semasa, dan meneroka kemungkinan baharu pada masa hadapan (Titchen, 2000).

Kajian ini akan mengaplikasikan kaedah hermeneutik seperti yang dijelaskan dengan mengkaji karya-karya Mochtar dengan menggunakan analisis tekstual, dan memberikan penekanan terhadap kandungan sastera dan eseи yang memperlihatkan pemikiran kemanusiaan global Mochtar Lubis. Pendekatan ini diletakkan dalam kerangka wacana kemanusiaan dan intelektualisme, bagi menelusuri gagasan tentang nilai universal, martabat manusia dan kebebasan yang digarap oleh penulis tersebut.

Kajian ini bersifat multidisiplin, merentas bidang kesusastraan, sejarah dan era pascakolonial bagi memahami naratif kemanusiaan Mochtar Lubis. Dalam masa yang sama, analisis turut disokong oleh kerangka wacana kritis, khususnya dalam menilai pemikiran dan kritikan beliau terhadap elit politik dan kepimpinan nasional. Pendekatan ini membolehkan penyelidik mengenal pasti bagaimana Mochtar Lubis, sebagai seorang intelektual dari Selatan Global, membentuk suatu naratif kemanusiaan yang bersifat lokal dari segi pengalaman, namun universal dari segi aspirasi.

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Kemanusiaan global merujuk suatu fahaman yang menegaskan hak asasi setiap manusia, tanpa mengira latar belakang, kewarganegaraan maupun warna kulit, serta mengiktiraf nilai dan hak yang setara antara lelaki dan wanita. Shaharuddin Maaruf (2004) dalam tulisannya mencirikan kemanusiaan meliputi penekanan terhadap prinsip keadilan dengan menyokong sistem dan tindakan yang menjamin keadilan dalam struktur sosial, politik, dan ekonomi, selain memastikan kesamarataan umat manusia, di mana tiada kelompok yang lebih unggul daripada yang lain, dan setiap individu berhak menikmati kebebasan serta peluang. Menurut beliau lagi, kemanusiaan juga meliputi demokrasi yang diangkat sebagai mekanisme penting yang memperkasakan rakyat, menggalakkan penyertaan dan melindungi hak asasi. Seterusnya, akal budi manusia diiktiraf sebagai prinsip panduan utama dalam membentuk kehidupan, kebajikan dan kemajuan insan sejagat (Saharuddin Maaruf, 2004, hlm. 119–125).

Kemanusiaan global juga dapat difahami dengan lebih baik sekiranya pembaca menelusuri gagasan oleh beberapa orang intelektual. Misalnya, Romila Thapar,

sejarawan dari India melihat kemanusiaan perlu ada dalam lensa pentafsiran sejarah. Tafsiran sejarah bagi beliau tidak boleh dipisahkan mahupun diasingkan daripada disiplin ilmu dan sumber yang lain. Keterbatasan ilmu serta sumber dalam tafsiran sejarah menghambat kemanusiaan global untuk difahami. Seperti yang diungkapkan beliau, “Menelusuri sejarah bererti menyedari bukan sahaja jangkauan luasnya, tetapi juga wacana silang yang berlaku antara budaya-budaya di negeri jiran” (Thapar, 2023, hlm. 11).

Sementara itu, menerusi gagasan kemanusiaan demokratik oleh Edward Said, beliau berpandangan bahawa kemanusiaan yang tidak boleh dipisahkan dengan sifat demokratik. Malah, gagasan demokrasi merupakan sebuah proses untuk membentuk idea kemanusiaan. Dalam konteks kemanusiaan global, memahami gagasan demokrasi amat penting untuk menangkap isu-isu yang sedang terjadi seperti yang dijelaskan oleh Said (1983) sebagai satu realiti konkret yang menuntut pertimbangan politik, moral, dan sosial harus dibuat terhadapnya, dan sekiranya pertimbangan itu perlu dibuat, maka realiti itu harus didedahkan dan tidak disembunyikan.

Selain itu, seorang tokoh intelektual Dunia Ketiga, Ngugi wa Thiong'o, menjadi contoh intelektual yang bangkit menentang bentuk kolonialisme baru yang masih berdenut dan berterusan, yang sering memaparkan gagasan kemanusiaan Selatan Global yang terserlah dalam penulisannya. Menurut beliau lagi, penulis Dunia Ketiga perlu mempunyai komitmen politik dan kesedaran moral untuk membina solidariti dalam menghadapi kapitalisme global yang berterusan hasil daripada penjajahan, yang mengakibatkan rejim autoritarian di negara masing-masing mengukuh. Mereka perlu meletakkan diri sebagai sebahagian daripada perjuangan rakyat yang menentang dominasi sedemikian. (Thiongo, 1997)

Tidak ketinggalan, intelektual dari Malaysia, iaitu Usman Awang yang menegaskan tentang dimensi kemanusiaan global yang turut merangkumi kemanusiaan majmuk. Usman amat menitikberatkan agar para sasterawan mahupun penulis mengangkat nilai kemanusiaan majmuk dalam setiap karya mereka. Menurut beliau, “kesusteraan harus mengalirkan kesedaran dan menjadi senjata rakyat untuk menggulingkan penjajahan dan membela rakyat terbanyak” (Usman Awang, 1990, hlm. xvii).

Dimensi-dimensi kemanusiaan global seperti yang telah dinyatakan oleh intelektual dari serata dunia turut diterjemahkan dalam penulisan-penulisan Mochtar Lubis. Oleh itu, Mochtar Lubis boleh dikategorikan sebagai penulis yang mengangkat gagasan kemanusiaan global dalam setiap karyanya. Hal ini kerana setiap tulisannya sarat dengan nilai kemanusiaan berasaskan gagasan kemanusiaan sejarah, demokratik, seruan kepada pemerintah serta tidak mengetepikan kemanusiaan majmuk.

## Kemanusiaan Global dalam Karya Mochtar Lubis

Mochtar merupakan penulis yang konsisten menuliskan ungkapan kemanusiaan dalam setiap karyanya. Keberanian Mochtar dalam mengungkapkan hal-hal kemanusiaan terutama kritikannya terhadap pemerintah membuatkan beliau tampil sebagai “the lone ranger”. Beliau sering tampil sendiri dan jauh kehadapan meninggalkan yang lain (Arief, 1992). Mochtar sememangnya terkenal sebagai sosok yang mengangkat hak kebebasan untuk menyatakan pendapat, baik tulisan maupun lisan (T. Mulya, 1922). Tindakan ini merupakan asas kepada gagasan kemanusiaan Mochtar Lubis. Menerusi penerbitan akhbar Indonesia Raya, beliau berjaya mempamerkan pendirian beliau itu. Walau bagaimanapun, gagasan kemanusiaan Mochtar tidak terhad kepada isu kebebasan bersuara semata-mata. Sebaliknya, dalam setiap karya beliau, terdapat empat ciri kemanusiaan utama yang sering dikenal dengan dimensi kemanusiaan global, iaitu sastera sebagai cerminan tanggungjawab sosial; mengangkat kedudukan wanita dalam sejarah; penentangan terhadap autoritarianisme dan amalan korupsi dan perjuangan mengangkat agenda keamanan global.

### *Sastera sebagai Cerminan Tanggungjawab Sosial*

Mochtar Lubis (1995e) menegaskan bahawa “dalam sejarah terbukti bahawa sastera itu dapat mempengaruhi pikiran dan dapat menggerakkan manusia atau masyarakat untuk berbuat sesuatu” (Mochtar, 1995e). Pendirian Mochtar ini telah mendorong beliau untuk menulis karya-karya sastera yang menjelaskan tanggungjawab sosial serta menggambarkan keperitan hidup masyarakat. Malah, beliau juga menegaskan bahawa seorang penulis perlu sentiasa memperjuangkan kemanusiaan dan hak asasi manusia secara konsisten. Sebagai contoh, dalam karya beliau *Jalan Tak Ada Ujung* memaparkan watak Isa, seorang guru yang tidak pernah menggunakan kekerasan terhadap orang lain walaupun sering dilakukan. Baginya kekerasan terhadap manusia merupakan sebuah tindakan yang keji dan tidak berperikemanusiaan. Dalam novel tersebut, Isa digambarkan sebagai manusia yang sukakan keamanan (Mochtar Lubis, 1992, hlm. 28):

Semenjak dia melewati umur kanak-kanak yang suka berkelahi, maka Guru Isa selama hidupnya tidak pernah memakai kekerasan terhadap orang lain. Atau mengalami dirinya ditundukkan dengan kekerasan badan oleh orang lain. Tinjunya tidak pernah dikepalkan untuk memukul orang. Dan tinju orang tidak pernah memukul biru di kulit mukanya. Guru Isa sungguh-sungguh manusia damai. Manusia penyuka damai dan penerima damai... “*Aku tidak bisa pada kekerasan*” bantah Guru Isa. “*Aku jadi sakit melihat kekerasan.*”

Mochtar turut menegur secara lantang dengan menyebutkan bahawa “tugas kita sebagai sasterawan adalah mengembalikan fitrah kemanusiaan, agar tidak terperangkap ke dalam kerangkeng nafsu kebinatangan” (Mochtar Lubis, 1995a, hlm. 73–174). Selain itu juga Mochtar menyatakan bahawa (Mochtar Lubis, 1981, hlm. 6):

“Tugas sebenar seorang penulis, sudah tentu, adalah untuk menulis, mempertajam kepekaannya terhadap ketidakadilan sosial dan pelbagai bentuk ketidakadilan lain, untuk memupuk rasa belas kasihan kemanusiaannya, untuk menguasai bahasa yang digunakan, dan yang paling penting sekali, untuk mencapai kebenaran. Kerana apabila penulis mencapai kebenaran itu, maka dia juga telah mencapai keindahan. Dan itulah tujuan sebenar seorang seniman sama ada dia seorang penulis, pelukis, pemahat, pembikin filem atau pemuzik: untuk mencapai keindahan, kerana dalam keindahan, sama sekali tidak ada tempat untuk sebarang bentuk ketidakadilan.”

Menurut Mochtar, sastera yang mengandungi nilai kemanusiaan dan tanggungjawab sosial berupaya menyedarkan masyarakat mengenai erti kebebasan dan penindasan. Manusia harus diberikan hak untuk menentukan nasibnya sendiri (Mochtar Lubis, 1981, hlm. 5):

“Penulis dan karya sastera adalah saksi kepada sejarah manusia dan merupakan sebahagian daripada ingatan sesebuah bangsa. Diharapkan, dari semasa ke semasa, benih-benih pemikiran dan mesej untuk memperbaiki keadaan kemanusiaan akan berakar dan mendapat sambutan, bukan sahaja dalam diri individu tetapi juga dalam masyarakat. Penulis, melalui sastera, hanya dapat menyumbang ke arah menyedarkan anggota masyarakat tentang isu yang sangat penting dalam zaman kita ini.”

Oleh itu, sastera berperanan sebagai medium yang boleh menawarkan ruang tersebut. Disebabkan itu, sastera yang berpihak kepada nilai kemanusiaan perlu diwujudkan agar pembaca sedar bahawa “mereka tidak boleh dipaksa-paksa dan diatur oleh kekuasaan tertentu, selama tingkah-laku manusia itu tidak merosakkan dan merugikan kepentingan umum” (Mochtar Lubis, 1995a). Beliau berharap agar sastera seperti ini dapat terus bertahan dan terus ditulis demi usaha untuk memperbaiki masyarakat.

### ***Mengangkat Kedudukan Wanita dalam Sejarah***

Dalam pemikiran kemanusiaan global Mochtar, kedudukan wanita memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan kemajuan dan keadilan universal.

Beliau menegaskan bahawa wanita Indonesia harus diberikan hak dan kebebasan yang sama seperti lelaki, sejajar dengan prinsip asas kemanusiaan global yang menekankan kesaksamaan, keadilan, dan pengiktirafan terhadap maruah insan tanpa mengira jantina (Mochtar Lubis, 1995d, hlm. 47). Apabila separuh daripada populasi negara, iaitu wanita disisihkan atau tidak diberi peluang yang sama, maka potensi kemajuan akan terbantut (Mochtar Lubis, 1995d, hlm. 49). Mochtar menyarankan agar seluruh potensi sumber manusia digunakan secara adil demi memajukan negara tanpa mengira jantina.

Melalui tulisannya, iaitu *Senja di Jakarta*, Mochtar Lubis mengangkat isu wanita sebagai cerminan ketidakadilan sosial dan ketempangan gender dalam masyarakat pascakolonial yang korup. Watak-watak wanita seperti Ibu Suryono, seorang isteri pegawai tinggi yang hidup dalam kemewahan namun kosong secara emosi, serta Suryati, seorang gadis miskin yang terjebak dalam realiti keras kota Jakarta, menggambarkan bagaimana perempuan sering menjadi mangsa sistem sosial yang tidak adil. Suryati, khususnya, melambangkan perempuan kelas bawahan yang terpaksa menjual maruah demi kelangsungan hidup, menyorot bagaimana ketidaksetaraan ekonomi dan moral masyarakat merampas peranan penting wanita dalam masyarakat (Mochtar Lubis, 2009).

Mochtar memaparkan bagaimana tubuh perempuan dieksplorasi dan peranan mereka direndahkan sama ada dalam lingkungan rumah tangga elit maupun masyarakat bawahan. Isu ini dikritik melalui naratif yang sinis dan realistik, memperlihatkan bahawa kerosakan sistem patriarki dan kapitalisme memberi kesan langsung terhadap nasib perempuan dalam masyarakat moden. Seperti yang dihuraikan oleh Miranti Silasudjana (2018) – “Keyakinannya untuk berpihak kepada wanita adalah demi menegakkan keadilan sosial, seperti yang ditunjukkan melalui tulisannya iaitu *Senja di Jakarta*” (hlm. 121).

Pandangannya ini mencerminkan pemikiran seorang intelektual sejagat yang melihat keadilan gender bukan sekadar isu domestik, tetapi sebagai komponen penting dalam pembinaan masyarakat global yang demokratik, rasional dan progresif. Maka, tuntutan beliau agar wanita memiliki hak memilih dan berperanan dalam pembangunan bangsa bukan sahaja bersifat nasional, tetapi juga menyumbang kepada naratif kemanusiaan global yang lebih menyeluruh. Buktinya dapat dilihat seperti petikan artikelnya seperti yang berikut (Mochtar Lubis, 1995d, hlm. 47–48):

“Idealnya, saya rasa, wanita Indonesia harus sama haknya dengan laki-laki! Saya yakin, selama wanita belum memiliki hak dan peran yang sama, dan kebebasan

yang sama untuk melakukan pilihan, sebagai bangsa kita nggak akan bisa maju. Kita hitung fifty-fifty, ya, jumlah penduduk Indonesia laki-laki dan wanita. Kalau 50 persen dari penduduk bangsa kita tertinggal...bagaimana kita mau mengerahkan seluruh bangsa kita? Jadi seharusnya seratus persen daya manusia yang terkandung dalam masyarakat bangsa kita harus diberi kesempatan yang sama. Dan hanya kalau kita bisa mencapai yang begitu, Indonesia akan bergerak lebih cepat untuk maju.”

Tambahan lagi, Mochtar menggariskan peranan wanita Indonesia dalam sejarah, khususnya dalam konteks perjuangan nasionalisme. Beliau menekankan bahawa wanita bukan sekadar berjuang untuk pembebasan diri mereka sendiri, tetapi turut mengambil bahagian dalam proses kemerdekaan dan pembangunan semula negara secara keseluruhan. Penglibatan aktif wanita dalam gerakan nasionalis, dari zaman penjajahan Belanda, era revolusi, hingga kepada kejatuhan rejim Sukarno menunjukkan bahawa wanita merupakan agen perubahan yang signifikan dalam landskap politik dan sosial Indonesia.

Dalam kerangka kemanusiaan global, pandangan ini mengangkat prinsip bahawa kesaksamaan gender dan penglibatan aktif wanita merupakan asas kepada keadilan universal dan pembangunan yang menyeluruh. Sumbangan wanita dalam pelbagai organisasi dan parti politik juga memperlihatkan bahawa mereka bukan lagi sekadar objek sejarah, tetapi subjek aktif dalam menentukan arah negara dan bangsa. Hal ini sejajar dengan nilai-nilai kemanusiaan global yang menekankan pengiktirafan terhadap hak asasi setiap individu, tanpa mengira jantina, serta kepentingan solidariti dalam perjuangan menentang ketidakadilan dan penindasan. Pandangan Mochtar Lubis ini sekali gus membuka ruang refleksi tentang keperluan memperkuuh suara wanita dalam wacana intelektual dan kemasyarakatan pada peringkat lokal dan global. Mochtar (Mochtar, 1990, hlm. 206–207) bahawa:

“Satu penghargaan khusus harus diberikan kepada peranan wanita Indonesia dalam gerakan nasionalis dan dalam usaha pembebasan, bukan sahaja untuk diri mereka sendiri, tetapi juga untuk seluruh bangsa. Wanita Indonesia wajar diberi penghargaan atas peranan kemerdekaan yang mereka mainkan dalam perjuangan nasional yang besar semasa zaman penjajahan Belanda, semasa revolusi, dan selepasnya, termasuk dalam bulan-bulan perjuangan yang membawa kepada kejatuhan Sukarno... serta dalam peranan mereka dalam parti-parti politik dan organisasi lain.”

Mochtar berani menonjolkan peranan wanita dalam perjuangan nasional, sekali gus menentang norma patriarki yang sering meminggirkan mereka daripada naratif sejarah. Beliau menunjukkan komitmen kepada kebenaran dengan mengangkat fakta sejarah yang inklusif, serta menzahirkan empati terhadap pengorbanan wanita yang berjuang bukan hanya untuk diri sendiri, tetapi demi bangsa. Dalam masa yang sama, beliau menekankan semangat pembebasan wanita daripada belenggu penjajahan dan penindasan gender, termasuk peranan mereka dalam menjatuhkan rejim Sukarno dan penyertaan aktif dalam politik dan organisasi.

### ***Penentangan terhadap Autoritarianisme dan Korupsi***

Gagasan kemanusiaan global yang diketengahkan oleh Mochtar Lubis secara tekal mengkritik pelbagai bentuk authoritarianisme yang wujud dalam pemerintahan mahupun dalam ranah kebudayaan. Contohnya seperti yang digambarkan melalui novelnya *Jalan Tak Ada Hujung* (Mochtar Lubis, 1992a), kritikan Mochtar terhadap authoritarianisme terserlah melalui watak dan suasana yang mencerminkan tekanan rejim kuasa terhadap individu dan masyarakat pascakolonial. Watak utama Guru Isa, seorang guru sekolah yang hidup dalam ketakutan dan dilema moral, menjadi lambang rakyat biasa yang terhimpit di bawah pemerintahan yang menindas, di mana kebebasan bersuara dan hak individu sentiasa diancam oleh kuasa bersenjata. Konflik dalaman Guru Isa menggambarkan bagaimana rejim authoritarian bukan sahaja mencengkam secara fizikal, malah turut mencemari jiwa dan pemikiran rakyat. Novel ini turut memperlihatkan bagaimana kekuasaan tentera dan ketakutan kolektif digunakan sebagai alat pengukuhan kuasa politik yang tidak demokratik (Mochtar Lubis, 1992a).

Bagi Mochtar, authoritarianisme tidak dapat dipisahkan daripada masalah korupsi kerana kedua-duanya saling berkait dan sering wujud secara serentak (Mochtar Lubis, 2001, hlm. 23). Gabungan kedua-dua unsur ini dilihat sebagai penghalang utama kepada pembentukan nilai-nilai kemanusiaan sejagat. Dalam hal ini, Mochtar menekankan bahawa feudalisme merupakan akar utama yang melahirkan budaya authoritarianisme dalam masyarakat. Menurut Azhar Ibrahim (2016), feudalisme mengandungi nilai-nilai yang ditafsirkan untuk disesuaikan dengan kepentingan ideologi sesuatu kelompok bertujuan untuk memperakulkan kekuasaan mereka. Ciri-ciri feudalisme tersebut termasuklah perhambaan kepada para penguasa dan tunduk patuh terhadap kekuasaan mutlak mereka; tidak peduli terhadap sisi kemanusiaan; pengabaian terhadap keadilan sosial; menekankan kepada perbezaan hieraki dan taksub pada kekuasaan dan autoriti untuk kepentingan sendiri (Azhar Ibrahim, 2016).

Ideologi seperti ini yang akan menyuburkan lagi authoritarianisme itu. Azhar Ibrahim (2016) menyorot bagaimana sikap feudal terhadap kekuasaan telah membentuk satu budaya yang memuliakan raja dan golongan elit pemerintah secara mutlak, sehingga menafikan keupayaan rakyat biasa untuk bersuara atau mengkritik kuasa. Feudalisme menurutnya bukan sahaja berpunca daripada struktur politik, tetapi juga diwarisi secara budaya dan kepercayaan, di mana raja dianggap sebagai wakil Tuhan dan segala miliknya dianggap sakral atau “keramat”. Hal ni menjadikan raja dan keluarganya tidak boleh dipersoalkan, malah dilihat suci dan sentiasa benar. Pendirian Mochtar ini merupakan sebahagian daripada kritik humanisme global yang dibawanya, iaitu penolakan terhadap ketundukan buta kepada kuasa yang tidak demokratik, dan keinginan untuk mewujudkan masyarakat yang menjunjung akal, kebebasan berfikir, kesetaraan dan keadilan sosial, seperti yang dijelaskan dalam Mochtar Lubis (2001, hlm. 24):

“Sikap feudal ini juga langsung berakar pada sikap manusia Indonesia terhadap kekuasaan. Raja di masa dulu dianggap mendapat kekuasaannya bersumber dari dewa atau Tuhan dulu rakyat Melayu dilarang memakai warna kuning, karena kuning adalah warna kekuasaan raja, malahan diri raja, dan bukan saja dirinya, tetapi juga seluruh keluarganya, dan kemudian juga benda-benda miliknya, seperti pedangnya, kerisnya, bajunya, destarnya, dan sebagainya dianggap punya keramat, punya kesaktian khusus. Raja di Jawa dipercaya memiliki wahyu cakraningrat, yang diberikan dewata padanya, dan karenanya seorang raja itu tidak bisa berbuat salah dan semua ucapannya benar. Selama dia memegang wahyu cakraningrat, dia senantiasa benar dalam tindakan dan ucapannya.”

Mochtar cuba menjalinkan kaitan antara feudalisme dengan masalah korupsi dengan mentafsir kembali sejarah lampau menggunakan lensa kemanusiaan sejarah. Mochtar menjelaskan bahawa korupsi bermula pada zaman lampau di mana buruh-buruh dan petani dipaksa bekerja dan membayar ufti kepada raja dan pembesar. Tindakan yang dianggap korup pada masa kini dianggap sebagai wajar pada zaman tersebut. Peristiwa sejarah yang tidak hadir dengan tafsiran kemanusiaan ini mendorong kepada penyerapan dalam budaya dan nilai masyarakat sehingga “tidak boleh memisahkan secara tajam antara milik masyarakat dan milik peribadi” (Mochtar, 1995e: xvi). Ditambah dengan budaya feudal menyebabkan korupsi terus berkembang. Mochtar menggelarkannya sebagai “birokripsi patrimonial”, iaitu istilah yang dipinjam daripada Max Weber. Dalam penulisannya, Mochtar menjelaskan bahawa (Mochtar Lubis, 1985, hlm. 9):

“Korupsi yang kini merajalela di Republik Indonesia, berakar pada masa tersebut, ketika kekuasaan bertumpu pada apa yang disebut kekuasaan “birokripsi

patrimonial” (Max Weber, Wirtschaft und Gesellschaft) yang berkembang dalam kerangka kekuasaan feodal. Dalam struktur seperti ini, penyimpangan, korupsi, pencurian, tentu saja dengan mudah berkembang”

Oleh itu, Mochtar berpendapat bahawa korupsi ini merupakan sebuah budaya buruk yang perlu ditentang. Ujaran penentangan yang dianjurkan oleh Mochtar adalah melalui transformasi kebudayaan. Transformasi ini sebuah semangat pembaharuan, pemaknaan semula dan penanaman nilai baru kepada masyarakat khususnya masyarakat Indonesia. Budaya yang perlu dikembangkan dan ditanam adalah budaya yang jauh dari sikap manusia Indonesia. Seperti yang dinyatakan oleh Mochtar (Mochtar Lubis, 1993, hlm. xix-xx):

“Jelas pula, bahwa untuk membasmi korupsi dalam masyarakat seperti kita ini, di mana korupsi berakar pada kebudayaan lama, dan berasal dari birokrasi-patrimonial dari masa feodal yang lampau, tetapi yang nilai-nilainya masih bekerja dalam diri kita, maka hanya dengan melakukan transformasi budaya yang tuntas, barulah kita mempunyai harapan yang baik untuk dapat berhasil memberantas korupsi di negeri kita.”

### ***Mengangkat Agenda Keamanan Global***

Selain membicarakan mengenai kemanusiaan yang bersifat lokal, Mochtar juga memberikan perhatian dalam agenda keamanan global. Melalui catatan beliau dalam kata pengantar pada buku *Menggapai Dunia Damai* (Mochtar Lubis, 1988), Mochtar banyak menyentuh mengenai pergolakan politik dunia. Antara yang menjadi kritikan beliau ialah isu peperangan. Mochtar menekankan bahawa perang sering kali tercetus bukan kerana alasan-alasan mulia, tetapi kerana ketamakan kuasa, ekonomi dan ideologi yang menindas. Melalui analisisnya, beliau menegaskan keperluan untuk membina satu kesedaran kemanusiaan global yang menolak keganasan, dominasi dan keangkuhan ideologi, sejajar dengan nilai-nilai keadilan, kebebasan dan maruah manusia. Selain dari faktor di atas, Mochtar juga mengenal pasti faktor peperangan yang disebabkan oleh konflik agama.

Dalam bahagian kata pengantar tersebut, Mochtar menuliskan bahawa “sejarah manusia juga ditandai oleh hasrat-harsat luhur yang amat mendambakan perdamaian. Semua agama besar di dunia mengajarkan kerukunan, saling kasih, perdamaian antara manusia. Akan tetapi manusia tetap pula melakukan peperangan dengan mengatasnamakan agama mereka” (Mochtar, 1988, hlm. vii-ix). Kegagalan dalam memahami agama, bagi Mochtar, mendorong kepada kekerasan dan peperangan berlaku seperti peperangan yang berlaku antara Iran dan Iraq. Agama seharusnya

bergerak seiringan dengan kemanusiaan bukan sebaliknya. Kekeliruan ini mendorong beliau untuk terus mengkritik dan menawarkan gagasan kemanusiaan global demi mengangkat agenda keamanan global (Mochtar, 1988, hlm. X):

“Dunia hari ini memakai peperangan sebagai upaya untuk mencapai sesuatu tujuan diplomasi sesebuah bangsa, sudah tidak lagi pada tempatnya. Malahan harus dianggap sebagai suatu langkah putus asa yang akan membinasakan tidak saja pada pihak-pihak yang terlibat dengan peperangan, tetapi juga bangsa-bangsa lain di dunia.”

## KESIMPULAN

Kehadiran intelektual semakin menyempit dan tenggelam dengan asakan sosial media, di samping ditambah lagi dengan institusi akademik yang cenderung konservatif, di sinilah kepentingan gagasan pemikir kemanusiaan ini ditemukan dan difahami. Mochtar Lubis bukan sahaja tokoh sastera, tetapi juga intelektual yang memberikan sumbangan besar dalam membentuk wacana kemanusiaan universal. Kemanusiaan global menuntut kesaksamaan hak dan maruah dengan mengiktiraf bahawa setiap manusia, tanpa mengira latar belakang, bangsa, agama atau kewarganegaraan, mempunyai nilai dan hak yang sama. Beliau juga menekankan keperluan kepada keadilan sosial dan ekonomi melalui sistem yang adil yang menjamin agihankekayaan dan peluang secara adil dan saksama. Dalam masa yang sama, sebarang bentuk hegemoni, penindasan, penjajahan baru dan dominasi budaya atau politik mesti ditolak.

Mochtar menampilkan diri sebagai tokoh sasterawan dan intelektual yang menjadikan kemanusiaan sebagai inti utama perjuangan dan pemikirannya. Melalui karya-karyanya, beliau bukan sahaja memperlihatkan keprihatinan mendalam terhadap nasib rakyat Indonesia, tetapi juga merumuskan kerangka pemikiran kemanusiaan global yang bersifat menyeluruh dan progresif. Pertama, beliau menegaskan bahawa sastera memiliki peranan penting dalam menyuarakan tanggungjawab sosial. Bagi Mochtar, sastera bukan sekadar wadah estetika, tetapi alat penting dalam menggugah kesedaran terhadap ketidakadilan dan penindasan, serta sebagai medium perlawanan moral dan intelektual terhadap kekuasaan yang menindas. Kedua, beliau memperjuangkan kesetaraan gender dengan menampilkan pandangan mendahului zamannya, menuntut hak wanita untuk menikmati kebebasan, pendidikan dan penglibatan aktif dalam pembangunan nasional, suatu pendirian yang selaras dengan prinsip universal kemanusiaan global, yang utama wanita tidak dikesampingkan dalam sejarah. Ketiga, penentangannya terhadap autoritarianisme dan korupsi memperlihatkan usahanya untuk merombak budaya politik yang diwarisi dari feudalisme, dengan kritikan tajam terhadap sistem

birokrasi patrimonial dan budaya tunduk kepada kekuasaan, demi membina masyarakat yang bebas, demokratik dan adil. Akhir sekali, pemikiran beliau menjangkaui sempadan nasional apabila secara konsisten menolak perang, kekerasan, dan dominasi ideologi atas nama agama atau kuasa, sambil menegaskan nilai perdamaian, toleransi dan martabat manusia sebagai asas keamanan sejagat. Secara keseluruhan, gagasan kemanusiaan global Mochtar Lubis merangkumi dimensi sosial, politik, budaya dan antarabangsa, menjadikan karya-karyanya bukan hanya cerminan zaman, tetapi juga panduan moral dan etika bagi generasi seterusnya dalam membina masyarakat yang adil, bebas dan berperikemanusiaan, menjadikan beliau bukan sahaja penulis besar Indonesia tetapi juga intelektual yang menyumbang kepada dan gagasan kemanusiaan global.

## PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada Universitas Indonesia atas bimbingan ilmiah, ruang perbincangan kritis serta dorongan intelektual sepanjang proses penulisan makalah ini. Penghargaan juga ditujukan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) atas komitmen serta sokongan terhadap penerbitan karya-karya ilmiah yang menyumbang kepada warisan sastera dan pemikiran Nusantara.

## PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

## PENYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

## PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisyiharkan.

## RUJUKAN

- Arief, B. (1992). Mochtar Lubis manusia multidimensional dan kontroversial. Dlm. Atmakusumah, *Mochtar Lubis wartawan jihad*. Kompas.
- Aylesworth, G. E. (1991). Dialogue, text, narrative: Confronting Gadamer and Ricoeur. Dlm. H. J. Silverman (Ed.), *Gadamer and hermeneutics* (hlm. 63–81). Routledge.

- Azhar Ibrahim. (2016). Humanisme dan feudalisme Melayu: Sanggahan pemikiran dan nilai dalam sejarah. Dlm. Azhar Ibrahim, *Menyanggah belenggu kerancuan fikiran masa kini* (hlm. 11). SIRD.
- Hill, D. T. (2010). *Journalism and politics in Indonesia—A critical biography of Mochtar Lubis (1922–2004)*. Routledge.
- Hill, D. T. (2011). *Jurnalisme dan politik: Biografi kritis Mochtar Lubis (1922–2004) sebagai pemimpin redaksi dan pengarang*. Yayasan Pustaka Obor Indonesia.
- Koch, T. (1999). An interpretive research process: Revisiting phenomenological and hermeneutical approaches. *Nurse Researcher*, 6(3), 20–34.
- Mansyur, S. (2008). *Negara dan korupsi*. Yayasan Obor Indonesia.
- Miranti Silasudjana. (2018). *The wretched under the rainbow: Mochtar Lubis' thought. As an upstanding intellectual on liberation and social justice in post-war Indonesia*. [Disertasi, National University of Singapore].
- Mochtar Lubis. (1981). *Literature and social justice. Second Asian Writer Conference. 14–17*. International P.E.N. Cultural Center.
- Mochtar Lubis. (1985). *Transformasi budaya untuk masa depan*. Inti Idayu Press.
- Mochtar Lubis. (1988). *Menggapai dunia damai*. Yayasan Obor Indonesia.
- Mochtar Lubis. (1990). *Indonesia: Land under the rainbow*. Oxford University Press.
- Mochtar Lubis. (1992a). *Jalan tak ada ujung*. Yayasan Pustaka Obor Indonesia.
- Mochtar Lubis. (1992b). *Budaya masyarakat dan manusia Indonesia himpunan “Catatan kebudayaan” Mochtar Lubis di majalah Horison*. Yayasan Obor Indonesia.
- Mochtar Lubis, (1993). *Korupsi politik*. Yayasan Obor Indonesia.
- Mochtar Lubis. (1995a). Dapat mempengaruhi sikap dan pemikiran serta menggerakkan masyarakat. Dlm. Ramadhan K.H., *Mochtar lubis bicara lurus menjawab pertanyaan wartawan*. Yayasan Obor Indonesia.
- Mochtar Lubis. (1995b). HAM kita terinjak-injak. Dlm. Ramadhan K.H., *Mochtar Lubis bicara lurus menjawab pertanyaan wartawan*. Yayasan Obor Indonesia.
- Mochtar Lubis. (1995c). Setelah keluar tahanan: Mochtar Lubis akan menulis beberapa buku. Dlm. Ramadhan K.H., *Mochtar Lubis bicara lurus menjawab pertanyaan wartawan* (hlm. 1). Yayasan Obor Indonesia.
- Mochtar Lubis. (1995d). Wanita Indonesia masih terbelenggu. Dlm. Ramadhan K.H., *Mochtar Lubis bicara lurus menjawab pertanyaan wartawan* (hlm. 47–48). Yayasan Obor Indonesia.
- Mochtar Lubis. (1995e). Sastra sebagai kritik bangsa. Dlm. M. Lubis, *Mochtar Lubis bicara lurus menjawab pertanyaan wartawan* (hlm. 73–74). Yayasan Obor Indonesia.
- Mochtar Lubis. (2001). *Manusia Indonesia*. Yayasan Obor Indonesia.
- Mochtar Lubis. (2009). *Senja di Jakarta*. Yayasan Obor Indonesia.
- Saharuddin Maaruf. (2004). Nilai kemanusiaan-Islam dalam persuratan Melayu. Dlm. *Sastera Islam: Citra nurani ummah* (hlm. 119–125). Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Said, E. (1983). *The World, the text, and the critic*. Harvard University Press.

- T. Mulya, L. (1922). Mochtar Lubis dan universalitas hak asasi manusia. Dlm. Atmakusumah, *Mochtar Lubis wartawan jihad* (hlm. 106). Kompas.
- Thapar, R. (2023). *Our history, their history, whose history*. Seagull Books.
- Titchen, A. (2000). *Professional craft knowledge in patient centred nursing and the facilitation of its development*. Ashdale Press.
- Thiongo, Ngugi Wa. (1997). *Writers in politics: A re-engagement with issues of literature and society*. James Currey.
- Usman Awang. (1990). *Peranan intelektual*. Penerbit Fajar Bakti.
- Usman Awang. (1990). *Sikap dan pemikiran Usman Awang*. (Dinsman, Sutung Umar RS, Ed.) Penerbit Fajar Bakti.
- Wick, P. (1991). Independence corroded: Twilight in Djakarta revisited. Dlm. P. Wicks, *Literary perspectives on Southeast Asia (International* hlm. 46–56). USQ Press.